

Berikut adalah senarai kategori yang dipertandingkan:

ANUGERAH UTAMA:

- 1) ANUGERAH PERDANA MENTERI BESAR JOHOR
- 2) ANUGERAH KHAS MEDIA JOHOR

KATEGORI MEDIA CETAK:

- 3) RENCANA TERBAIK
- 4) BERITA ALAM SEKITAR TERBAIK
- 5) BERITA PELANCONGAN TERBAIK
- 6) BERITA SUKAN TERBAIK
- 7) BERITA EKONOMI TERBAIK
- 8) BERITA BAHASA MALAYSIA TERBAIK
- 9) BERITA BAHASA INGGERIS TERBAIK
- 10) BERITA BAHASA CINA TERBAIK
- 11) BERITA BAHASA TAMIL TERBAIK
- 12) WARTAWAN MEDIA CETAK TERBAIK

KATEGORI JURUGAMBAR:

- 13) GAMBAR MINAT INSANI TERBAIK
- 14) GAMBAR BERITA TERBAIK
- 15) GAMBAR SUKAN TERBAIK
- 16) JURUGAMBAR TERBAIK

KATEGORI RADIO:

- 17) BICARAWARA TERBAIK
- 18) LAPORAN BERITA TERBAIK
- 19) PENYAMPAI RADIO TERBAIK

KATEGORI TELEVISYEN:

- 20) BERITA PELANCONGAN TERBAIK
- 21) LAPORAN KHAS TERBAIK
- 22) LAPORAN BERITA TERBAIK
- 23) JURUKAMERA TERBAIK
- 24) WARTAWAN TELEVISYEN TERBAIK

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN AM

1. Penyertaan terbuka kepada wartawan, jurufoto, jurukamera, pengacara/penyampai radio, penerbit dan pengamal media yang bekerja secara tetap atau berkontrak dengan mana-mana organisasi media cetak, penyiaran TV / radio dan portal media di Johor serta berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
2. Peserta mesti warganegara Malaysia dan menetap/berpangkalan di Johor.
3. Pekerja kontrak atau stringer yang bernaung dengan organisasi media layak sertai.
4. Peserta perlu mengemukakan kad media yang sah, aktif dan tidak tamat tempoh daripada Jabatan Penerangan.
5. Karya yang telah disiarkan atau diterbitkan mulai **1 Januari 2023 sehingga 31 Disember 2024** layak menyertai.
6. Penyertaan dibuka mulai 1 Jun 2025; **tarikh tutup penyertaan pada 4 Julai 2025**.
7. Semua bahan berita/rencana bercetak; foto; portal berita; video; radio layak dipertandingkan.
8. Kandungan karya penyertaan boleh bersiri atau tunggal.
9. Penyertaan boleh secara berkumpulan atau berindividu. Butiran setiap peserta perlu diisi dalam borang penyertaan.
10. Kaedah pengisian borang penyertaan adalah secara dalam talian di laman web MPI. Pautan borang penyertaan: <http://www.mpi.my/award/amj-2025>
11. Kaedah penghantaran bahan penyertaan adalah secara dalam talian dengan memuat naik ke folder di dalam simpanan awan (cloud storage) milik sendiri. Pautan folder tersebut hendaklah disalin dan isi ke ruangan pautan bahan penyertaan dalam borang penyertaan.
12. Kandungan bahan penyertaan haruslah ikuti ketetapan berikut:
 - I. Karya penyertaan:
 - Penulisan / Keratan Akhbar / Portal Berita: PDF
 - Fotografi: JPEG @ PNG
 - Radio: MP3
 - Video: MP4 (Resolusi 720p @ 1080p)
 - II. Sinopsis: PDF
 - III. Gambar profil diri: JPEG
 - IV. Salinan kad media: JPEG
13. Boleh rujuk grafik panduan sinopsis dan muatnaik bahan penyertaan: <https://mpi.my/wp/wp-content/uploads/2025/05/Panduan-Sinopsis-dan-Muatnaik-Bahan.pdf>
14. Karya-karya kewartawanan yang dihasilkan dalam Bahasa Cina dan Bahasa Tamil hendaklah diterjemahkan dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris.
15. Selain memenuhi syarat-syarat umum, penyertaan mesti mematuhi syarat-syarat khusus bagi setiap kategori yang disertai.
16. Karya asli sahaja diterima.

17. Setiap peserta individu atau berkumpulan kecuali kategori Televisyen **layak menghantar maksimum 2 penyertaan bagi kategori berlainan dengan karya yang berbeza.**
18. MPI berhak menolak penyertaan yang tidak lengkap dan gagal mematuhi syarat-syarat penyertaan yang ditetapkan.
19. MPI berhak menolak dan tidak bertanggungjawab kepada mana-mana karya yang berunsur plagiat/mengandungi elemen yang tidak dibenarkan bagi tujuan komersial.
20. Kesemua bahan-bahan penyertaan tidak akan dikembalikan dan menjadi hak mutlak MPI & Kelab Media Johor.
21. Tiada yuran penyertaan.
22. Terdapat 24 kategori yang dipertandingkan.
23. Kategori kemasukan automatik dari penyertaan-penyertaan kategori lain adalah seperti berikut:
 - Wartawan Media Cetak Terbaik
 - Jurugambar Terbaik
 - Penyampai Radio Terbaik
 - Jurukamera Terbaik
 - Wartawan Televisyen Terbaik
24. Keputusan panel hakim adalah muktamad.

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN KHUSUS**MEDIA CETAK & PORTAL BERITA****KATEGORI RENCANA TERBAIK****HADIAH:**

Johan	:	RM 2,000, trofi dan sijil
Saguhati 1	:	RM 500, trofi dan sijil
Saguhati 2	:	RM 500, trofi dan sijil

KRITERIA:

1. Terbuka kepada mana-mana penulisan rencana yang mengandungi maklumat, ulasan huraian atau penceritaan sesuatu perkara atau memapar peristiwa yang telah, sedang dan akan berlaku dengan penggunaan fakta yang tepat secara konsisten dan relevan.
2. Karya kewartawanan yang mengupas isu atau peristiwa dengan mendalam, menjalankan penyelidikan mendalam mengenai subjek yang dikarang dan **tidak tertumpu kepada teks ucapan atau kenyataan media** semata-mata.

KATEGORI BERITA ALAM SEKITAR TERBAIK**HADIAH:**

Johan	:	RM 2,000, trofi dan sijil
Saguhati 1	:	RM 500, trofi dan sijil
Saguhati 2	:	RM 500, trofi dan sijil

KRITERIA:

1. Terbuka kepada mana-mana pelaporan berita mengenai alam sekitar seperti ekologi, perubahan iklim, biodiversiti, pemulihan alam & hidupan liar, amalan kelestarian atau yang berkaitan; dengan pelaporan yang bersifat semasa atau baru dengan penggunaan fakta yang tepat secara konsisten dan relevan.
2. Sekiranya bukan bersifat semasa hendaklah pelaporan itu yang menarik perhatian dan belum dilaporkan atau tidak diketahui umum.
3. Karya pelaporan boleh berbentuk hard news atau *soft news*.
4. Karya pelaporan yang mengupas isu atau kejadian dan menjalankan penyelidikan secukupnya mengenai subjek yang dilaporkan dan **tidak tertumpu kepada teks ucapan atau kenyataan media** semata-mata.

KATEGORI BERITA PELANCONGAN TERBAIK**HADIAH:**

Johan	:	RM 2,000, trofi dan sijil
Saguhati 1	:	RM 500, trofi dan sijil
Saguhati 2	:	RM 500, trofi dan sijil

KRITERIA:

1. Terbuka kepada mana-mana pelaporan berita mengenai pelancongan seperti destinasi pilihan/baharu, tempat tarikan, tarikan acara budaya, warisan budaya, promosi, polisi, trend pelancongan atau yang berkaitan; dengan pelaporan yang bersifat semasa atau baru dengan penggunaan fakta yang tepat secara konsisten dan relevan.
2. Sekiranya bukan bersifat semasa hendaklah pelaporan itu yang menarik perhatian dan belum dilapor atau tidak diketahui umum.
3. Karya pelaporan boleh berbentuk hard news atau *soft news*.
4. Karya pelaporan yang mengupas isu atau kejadian dan menjalankan penyelidikan secukupnya mengenai subjek yang dilaporkan dan **tidak tertumpu kepada teks ucapan atau kenyataan media** semata-mata.

KATEGORI BERITA SUKAN TERBAIK**HADIAH:**

Johan	:	RM 2,000, trofi dan sijil
Saguhati 1	:	RM 500, trofi dan sijil
Saguhati 2	:	RM 500, trofi dan sijil

KRITERIA:

1. Terbuka kepada mana-mana pelaporan berita mengenai sukan seperti peristiwa sukan, keputusan perlawanan, atlet, pertandingan, pemindahan pemain, analisa, pembangunan sukan atau yang berkaitan; dengan pelaporan yang bersifat semasa atau baru dengan penggunaan fakta yang tepat secara konsisten dan relevan.
2. Sekiranya bukan bersifat semasa hendaklah pelaporan itu yang menarik perhatian dan belum dilapor atau tidak diketahui umum.
3. Karya pelaporan boleh berbentuk hard news atau *soft news*.
4. Karya pelaporan yang mengupas isu atau kejadian dan menjalankan penyelidikan secukupnya mengenai subjek yang dilaporkan dan **tidak tertumpu kepada teks ucapan atau kenyataan media** semata-mata.

KATEGORI BERITA EKONOMI TERBAIK**HADIAH:**

Johan	:	RM 2,000, trofi dan sijil
Saguhati 1	:	RM 500, trofi dan sijil
Saguhati 2	:	RM 500, trofi dan sijil

KRITERIA:

1. Terbuka kepada mana-mana pelaporan berita mengenai ekonomi dan bisnes seperti keusahawanan, perkembangan korporat/syarikat, pasaran kewangan/saham, polisi ekonomi, trend industri, perdagangan global, literasi kewangan atau yang berkaitan; dengan pelaporan yang bersifat semasa atau baru dengan penggunaan fakta yang tepat secara konsisten dan relevan.
2. Sekiranya bukan bersifat semasa hendaklah pelaporan itu yang menarik perhatian dan belum dilapor atau tidak diketahui umum.
3. Karya pelaporan boleh berbentuk hard news atau *soft news* yang berasaskan data, pendapat pakar atau penggiat bisnes, analisis atau ramalan.
4. Karya pelaporan yang mengupas isu atau kejadian dan menjalankan penyelidikan secukupnya mengenai subjek yang dilaporkan dan **tidak tertumpu kepada teks ucapan atau kenyataan media** semata-mata.

KATEGORI BERITA BAHASA MALAYSIA TERBAIK**HADIAH:**

Johan	:	RM 2,000, trofi dan sijil
-------	---	---------------------------

KRITERIA:

1. Terbuka kepada mana-mana pelaporan berita dalam Bahasa Malaysia dengan penggunaan fakta yang tepat secara konsisten dan relevan.
2. Sekiranya bukan bersifat semasa hendaklah pelaporan itu yang menarik perhatian dan belum dilapor atau tidak diketahui umum.
3. Karya pelaporan boleh berbentuk hard news atau *soft news*.
4. Karya pelaporan yang mengupas isu atau kejadian dan menjalankan penyelidikan secukupnya mengenai subjek yang dilaporkan dan **tidak tertumpu kepada teks ucapan atau kenyataan media** semata-mata.

KATEGORI BERITA BAHASA INGGERIS TERBAIK

HADIAH:

Johan : RM 2,000, trofi dan sijil

KRITERIA:

1. Terbuka kepada mana-mana pelaporan berita dalam Bahasa Inggeris dengan penggunaan fakta yang tepat secara konsisten dan relevan.
2. Sekiranya bukan bersifat semasa hendaklah pelaporan itu yang menarik perhatian dan belum dilapor atau tidak diketahui umum.
3. Karya pelaporan boleh berbentuk hard news atau *soft news*.
4. Karya pelaporan yang mengupas isu atau kejadian dan menjalankan penyelidikan secukupnya mengenai subjek yang dilaporkan dan **tidak tertumpu kepada teks ucapan atau kenyataan media** semata-mata.

KATEGORI BERITA BAHASA CINA TERBAIK

HADIAH:

Johan : RM 2,000, trofi dan sijil

KRITERIA:

1. Terbuka kepada mana-mana pelaporan berita dalam Bahasa Cina dengan penggunaan fakta yang tepat secara konsisten dan relevan.
2. Sekiranya bukan bersifat semasa hendaklah pelaporan itu yang menarik perhatian dan belum dilapor atau tidak diketahui umum.
3. Karya pelaporan boleh berbentuk hard news atau *soft news*.
4. Karya pelaporan yang mengupas isu atau kejadian dan menjalankan penyelidikan secukupnya mengenai subjek yang dilaporkan dan **tidak tertumpu kepada teks ucapan atau kenyataan media** semata-mata.
5. Karya hendaklah diterjemahkan dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris.

KATEGORI BERITA BAHASA TAMIL TERBAIK

HADIAH:

Johan : RM 2,000, trofi dan sijil

KRITERIA:

1. Terbuka kepada mana-mana pelaporan berita dalam Bahasa Cina dengan penggunaan fakta yang tepat secara konsisten dan relevan.
2. Sekiranya bukan bersifat semasa hendaklah pelaporan itu yang menarik perhatian dan belum dilapor atau tidak diketahui umum.
3. Karya pelaporan boleh berbentuk hard news atau *soft news*.
4. Karya pelaporan yang mengupas isu atau kejadian dan menjalankan penyelidikan secukupnya mengenai subjek yang dilaporkan dan **tidak tertumpu kepada teks ucapan atau kenyataan media** semata-mata.
5. Karya hendaklah diterjemahkan dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris.

KATEGORI WARTAWAN MEDIA CETAK TERBAIK

HADIAH:

Johan : RM 2,000, trofi dan sijil

KRITERIA:

1. Kemasukan automatik ke kategori ini bagi wartawan yang menghantar penyertaan dibawah kategori media cetak & portal berita.
2. Pemilihan pemenang berdasarkan karya terbaik dalam kalangan pemenang dari sembilan kategori media cetak & portal berita.

JURUGAMBAR**KATEGORI GAMBAR MINAT INSANI TERBAIK****HADIAH:**

Johan	:	RM 2,000, trofi dan sijil
Saguhati 1	:	RM 500, trofi dan sijil
Saguhati 2	:	RM 500, trofi dan sijil

KRITERIA:

1. Terbuka kepada karya foto minat insani yang menunjukkan kehidupan harian manusia dengan memaparkan kegiatan, aktiviti, perilaku, suasana, emosi; dengan ciri-ciri estetika.
2. Hanya sekeping foto untuk satu penyertaan. Penyertaan karya yang dihantar secara foto esei adalah tidak layak.
3. Dalam lampiran sinopsis perlu mengandungi **kapsyen / keterangan gambar asal** seperti yang diterbitkan dan disusuli dengan keratan akhbar atau tangkap layar.
4. Bagi karya dari medium dalam Bahasa Cina dan Bahasa Tamil, perlu dimuatkan sekali **terjemahan kapsyen / keterangan gambar** dalam **Bahasa Melayu** atau **Bahasa Inggeris** untuk pemahaman para hakim.

KATEGORI GAMBAR BERITA TERBAIK**HADIAH:**

Johan	:	RM 2,000, trofi dan sijil
Saguhati 1	:	RM 500, trofi dan sijil
Saguhati 2	:	RM 500, trofi dan sijil

KRITERIA:

1. Terbuka kepada karya kewartawanan foto yang mempunyai nilai berita dengan ciri-ciri estetika.
2. Hanya sekeping foto untuk satu penyertaan. Penyertaan karya yang dihantar secara foto esei adalah tidak layak.
3. Gambar-gambar pelancaran seperti acara memotong riben, kek, gimik pelancaran dan sebagainya adalah tidak digalakkan.
4. Dalam lampiran sinopsis perlu mengandungi **kapsyen / keterangan gambar asal** seperti yang diterbitkan dan disusuli dengan keratan akhbar atau tangkap layar.
5. Bagi karya dari medium dalam Bahasa Cina dan Bahasa Tamil, perlu dimuatkan sekali **terjemahan kapsyen / keterangan gambar** dalam **Bahasa Melayu** atau **Bahasa Inggeris** untuk pemahaman para hakim.

KATEGORI GAMBAR SUKAN TERBAIK**HADIAH:**

Johan	:	RM 2,000, trofi dan sijil
Saguhati 1	:	RM 500, trofi dan sijil
Saguhati 2	:	RM 500, trofi dan sijil

KRITERIA:

1. Terbuka kepada karya kewartawanan foto sukan dengan ciri-ciri estetika.
2. Hanya sekeping foto untuk satu penyertaan. Penyertaan karya yang dihantar secara foto esei adalah tidak layak.
3. Dalam lampiran sinopsis perlu mengandungi **kapsyen / keterangan gambar asal** seperti yang diterbitkan dan disusuli dengan keratan akhbar atau tangkap layar.
4. Bagi karya dari medium dalam Bahasa Cina dan Bahasa Tamil, perlu dimuatkan sekali **terjemahan kapsyen / keterangan gambar** dalam **Bahasa Melayu** atau **Bahasa Inggeris** untuk pemahaman para hakim.

KATEGORI JURUGAMBAR TERBAIK**HADIAH:**

Johan	:	RM 2,000, trofi dan sijil
-------	---	---------------------------

KRITERIA:

1. Kemasukan automatik ke kategori ini bagi wartawan yang menghantar penyertaan dibawah kategori jurugambar.
2. Pemilihan pemenang berdasarkan karya terbaik dalam kalangan pemenang dari tiga kategori jurugambar.

MEDIA PENYIARAN RADIO**KATEGORI BICARAWARA TERBAIK****HADIAH:**

Johan	:	RM 2,000, trofi dan sijil
Saguhati 1	:	RM 500, trofi dan sijil
Saguhati 2	:	RM 500, trofi dan sijil

KRITERIA:

1. Terbuka kepada karya bicarawara radio atau audio siar (podcast) yang jelas menampilkan peranan dan bakat penyampai, pengacara atau hos dengan penyampaian fakta yang tepat secara konsisten dan relevan.
2. Karya yang mengupas isu dengan mendalam, menjalankan penyelidikan mendalam mengenai subjek yang dilaporkan dan **tidak tertumpu kepada teks ucapan atau kenyataan media** semata-mata.
3. Durasi/tempoh karya radio **sekurang-kurangnya 10 minit, dan tidak melebihi 60 minit.**
4. Sinopsis harus mengandungi **senarai cap masa (timestamp)** yang menampilkan sorotoan penting.
5. Bagi karya Bahasa Cina dan Tamil hendaklah ia dikemukakan terjemahan skrip ke Bahasa Melayu atau Inggeris.

KATEGORI LAPORAN BERITA TERBAIK**HADIAH:**

Johan	:	RM 2,000, trofi dan sijil
Saguhati 1	:	RM 500, trofi dan sijil
Saguhati 2	:	RM 500, trofi dan sijil

KRITERIA:

1. Terbuka kepada mana-mana pelaporan berita melalui radio atau audio siar (podcast) dengan penyampaian fakta yang tepat secara konsisten dan relevan.
2. Karya yang mengupas isu dan menjalankan penyelidikan dengan secukupnya mengenai subjek yang dilaporkan dan **tidak tertumpu kepada teks ucapan atau kenyataan media** semata-mata.
3. Durasi/tempoh karya radio **tidak melebihi 15 minit.**
4. Sinopsis harus mengandungi **senarai cap masa (timestamp)** yang menampilkan sorotoan penting.
5. Bagi karya Bahasa Cina dan Tamil hendaklah ia dikemukakan terjemahan skrip ke Bahasa Melayu atau Inggeris.

KATEGORI PENYAMPAI RADIO TERBAIK

HADIAH:

Johan : RM 2,000, trofi dan sijil

KRITERIA:

1. Kemasukan automatik ke kategori ini bagi penyampai atau juruhebah radio yang menghantar penyertaan dibawah kategori media penyiaran radio.
2. Pemilihan pemenang berdasarkan karya terbaik dalam kalangan pemenang dari dua kategori media penyiaran radio.

MEDIA PENYIARAN TELEVISYEN

KATEGORI BERITA PELANCONGAN TERBAIK

HADIAH:

Johan : RM 3,000, trofi dan sijil
Saguhati 1 : RM 500, trofi dan sijil
Saguhati 2 : RM 500, trofi dan sijil

KRITERIA:

1. Terbuka kepada mana-mana pelaporan berita video mengenai pelancongan seperti destinasi pilihan/baharu, tempat tarikan, tarikan acara budaya, warisan budaya, promosi, polisi, trend pelancongan atau yang berkaitan; dengan pelaporan yang bersifat semasa atau baru dengan penggunaan fakta yang tepat secara konsisten dan relevan.
2. Sekiranya bukan bersifat semasa hendaklah pelaporan itu yang menarik perhatian dan belum dilapor atau tidak diketahui umum.
3. Karya pelaporan video boleh berbentuk hard news atau *soft news*.
4. Karya pelaporan yang mengupas isu atau kejadian dan menjalankan penyelidikan secukupnya mengenai subjek yang dilaporkan dan **tidak tertumpu kepada teks ucapan atau kenyataan media** semata-mata.
5. Durasi/tempoh karya **pelaporan video tidak melebihi 15 minit**.
6. Bagi karya Bahasa Cina dan Tamil hendaklah ia dikemukakan terjemahan skrip ke Bahasa Melayu atau Inggeris.

KATEGORI LAPORAN KHAS TERBAIK**HADIAH:**

Johan	:	RM 3,000, trofi dan sijil
Saguhati 1	:	RM 500, trofi dan sijil
Saguhati 2	:	RM 500, trofi dan sijil

KRITERIA:

1. Terbuka kepada mana-mana pelaporan khas video yang menumpukan sesuatu peristiwa, topik atau isu dengan mendalam dengan penggunaan fakta yang tepat secara konsisten dan relevan.
2. Karya pelaporan yang mengupas isu atau kejadian, menjalankan penyelidikan, dan menganalisa mengenai subjek yang dilaporkan secara mendalam dan **tidak tertumpu kepada teks ucapan atau kenyataan media** semata-mata.
3. Durasi/tempoh karya **pelaporan video tidak melebihi 15 minit**.
4. Bagi karya Bahasa Cina dan Tamil hendaklah ia dikemukakan terjemahan skrip ke Bahasa Melayu atau Inggeris.

KATEGORI LAPORAN BERITA TERBAIK**HADIAH:**

Johan	:	RM 3,000, trofi dan sijil
Saguhati 1	:	RM 500, trofi dan sijil
Saguhati 2	:	RM 500, trofi dan sijil

KRITERIA:

1. Terbuka kepada mana-mana pelaporan berita video dengan penyampaian fakta yang tepat secara konsisten dan relevan.
2. Sekiranya bukan bersifat semasa hendaklah pelaporan itu yang menarik perhatian dan belum dilapor atau tidak diketahui umum.
3. Karya pelaporan video boleh berbentuk hard news atau *soft news*.
4. Karya yang mengupas isu dan menjalankan penyelidikan dengan secukupnya mengenai subjek yang dilaporkan dan **tidak tertumpu kepada teks ucapan atau kenyataan media** semata-mata.
5. Durasi/tempoh karya radio **tidak melebihi 15 minit**.
6. Bagi karya Bahasa Cina dan Tamil hendaklah ia dikemukakan terjemahan skrip ke Bahasa Melayu atau Inggeris.

KATEGORI JURUKAMERA TELEVISYEN TERBAIK

HADIAH:

Johan : RM 2,000, trofi dan sijil

KRITERIA:

1. Kemasukan automatik ke kategori ini bagi jurukamera yang menghantar penyertaan dibawah kategori media penyiarantelevisyen.
2. Pemilihan pemenang berdasarkan karya terbaik dalam kalangan pemenang dari tiga kategori media penyiaran radio.

KATEGORI WARTAWAN TELEVISYEN TERBAIK

HADIAH:

Johan : RM 2,000, trofi dan sijil

KRITERIA:

1. Kemasukan automatik ke kategori ini bagi wartawan yang menghantar penyertaan dibawah kategori media penyiarantelevisyen.
2. Pemilihan pemenang berdasarkan karya terbaik dalam kalangan pemenang dari tiga kategori media penyiaran radio.